



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

FAQ ini adalah terpakai kepada semua pekerja dan majikan sektor swasta semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) bagi tempoh **25 Mei hingga 7 Jun 2021**, atau mana-mana tempoh lanjutan yang berkaitan.

- 1. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menetapkan bahawa kehadiran di tempat kerja bagi sektor swasta dalam tempoh PKP 3.0 ialah sebanyak 60% bagi satu lokasi (*onsite*) dan 40% lagi perlu melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR). Apakah tindakan yang perlu majikan lakukan?**

Majikan wajib mematuhi arahan Kerajaan untuk memastikan kehadiran hanya 60% di tempat kerja. Majikan hendaklah memastikan perkara berikut dilakukan:

- i. Majikan mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 60% daripada jumlah semasa.
- ii. Majikan memastikan pergerakan terhad pekerja terbabit.
- iii. Majikan menyediakan log kehadiran harian pekerja, alat saringan suhu badan, dan mengambil bacaan suhu badan pekerja pada setiap hari.
- iv. Majikan hendaklah menyediakan *hand sanitizer*.
- v. Majikan melaksanakan proses sanitasi dan pembersihan perlu.
- vi. Majikan hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik *social distancing* disediakan dan dilaksanakan.
- vii. Majikan hendaklah memastikan pekerja memakai pelitup muka pada setiap masa.
- viii. Majikan hendaklah mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM atau MKN yang dikeluarkan dari masa ke masa.

2. Sekiranya majikan tidak mematuhi kapasiti kehadiran pekerja yang ditetapkan dalam perenggan 1, apakah tindakan yang boleh dibuat oleh pekerja?

- i. Melaporkan ketidakpatuhan majikan ke balai polis berhampiran;
- ii. Membuat aduan melalui emel kepada MITI jika majikan dibawah seliaan MITI; atau
- iii. Membuat aduan melalui emel kepada Kementerian yang berkaitan.

3. Di bawah Perintah Kawalan Pergerakan ini, adakah majikan berkewajipan membayar gaji pekerja sepanjang tempoh PKP?

Ya, majikan wajib membayar gaji penuh. Pekerja bergaji harian perlulah dibayar mengikut kadar upahan yang telah dipersetujui di antara majikan dan pekerja di dalam surat tawaran/kontrak perkhidmatan/surat kenaikan gaji terkini. Untuk pekerja yang mana upahnya tidak tetap maka kadar hariannya hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum seperti dalam Perintah Gaji Minimum 2020.

4. Sekiranya majikan enggan bayar gaji dalam tempoh tersebut, apakah tindakan yang boleh saya lakukan?

Pekerja boleh mengemukakan aduan melalui cara berikut:

- (i) Hadir melalui temujanji di mana-mana pejabat Jabatan Tenaga Kerja (JTK);
- (ii) Melalui telefon;
- (iii) Melalui atas talian melalui emel rasmi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) jtksm@mohr.gov.my;
- (iv) Melalui aplikasi "*Working for Workers*".

Sila kemukakan maklumat lengkap berkenaan aduan tersebut untuk memudahkan pengurusan aduan oleh pihak JTK.

5. Sekiranya pekerja di luar skop Akta Kerja 1955 / Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) / Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), adakah majikan perlu membayar gaji pekerja untuk tempoh tersebut?

Ya, majikan wajib membayar upah / gaji kerana perkara ini telah termaktub dalam kontrak perkhidmatan yang di persetujui diantara majikan dan pekerja.

6. Adakah majikan boleh memaksa pekerja menggunakan cuti tahunan atau cuti tanpa gaji pekerja sepanjang tempoh tersebut?

Tidak boleh kerana perintah telah dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

7. Bolehkah majikan meminta pekerja untuk bekerja dari rumah?

Boleh, bagi pekerjaan yang bersesuaian dan boleh dijalankan dari rumah.

8. Jika pekerja bekerja dari rumah adakah saya perlu membayar gaji pekerja beserta elaun?

Ya, gaji pekerja beserta elaun yang berkaitan hendaklah dibayar.

9. Jika majikan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan ini, adakah ia satu kesalahan?

Ya, ia adalah satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

10. Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu ini bolehlah hubungi:

Mana-mana Jabatan Tenaga Kerja seperti di pautan berikut [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia \(JTKSM\) - Negeri \(mohr.gov.my\)](http://JabatanTenagaKerja.SemenanjungMalaysia(JTKSM)-Negeri(mohr.gov.my))

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
25 MEI 2021**